

UNTUK EDARAN SEGERA

Ruj. Kami : JPPM/100-2/1/8 (6)
Tarikh : 29 November 2025

SIARAN MEDIA

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA 2025

KOTA SAMARAHAN, 29 November 2025 – Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menganjurkan **Majlis Penyerahan Projek Kampung Angkat MADANI** yang berlangsung di **Kampung Sindang, Samarahan, Sarawak** hari ini.

Pelaksanaan projek berkenaan merupakan sebahagian daripada inisiatif Kerajaan MADANI yang mengutamakan pendekatan turun padang bagi mendekati rakyat serta meneliti keperluan sebenar komuniti setempat, khususnya dalam aspek pembangunan dan penyediaan kemudahan infrastruktur asas.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, KDN kekal komited dalam menyokong aspirasi Kerajaan MADANI bagi memastikan setiap kampung terpilih menerima manfaat pembangunan yang menyeluruh dan inklusif. “Inilah model Kampung Angkat MADANI yang menghimpunkan penglibatan semua pihak serta pelbagai agensi, sekali gus memastikan manfaat projek pembangunan dapat dinikmati secara langsung oleh komuniti,” katanya.

KDN bersama agensi seliaannya telah mengendalikan sebanyak 12 Projek Kampung Angkat MADANI, dengan setiap kampung diperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan yang memberi impak langsung terhadap kesejahteraan penduduk setempat. Bagi pelaksanaan edisi kali ini, JPPM bertindak sebagai tuan rumah, manakala Kampung Sindang, Samarahan telah dipilih sebagai lokasi pelaksanaan projek.

Projek ini turut menandakan penganjuran terakhir dalam rangkaian agensi KDN bagi inisiatif Kampung Angkat MADANI tahun ini, sekali gus melengkapkan komitmen Kementerian dalam menjayakan agenda pembangunan berteraskan rakyat. Secara keseluruhan, pelaksanaan projek ini diharap dapat memperkukuh kerjasama antara Kerajaan dan komuniti setempat serta menjadi pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi yang lebih mampan di kawasan luar bandar.

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Kementerian Dalam Negeri

Aras 8 & 9, Setia Perkasa 7, Kompleks Setia Perkasa, 62546 Putrajaya

Telefon: 03-88702601 | Faks: 03-8870 2659



www.ros.gov.my



@jppm_my